

23 JUL 1999

Annuar-PPRT

200 RAKYAT MISKIN DI KELANTAN AKAN DIPINDAH

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Kumpulan pertama seramai 200 orang rakyat termiskin di Kelantan akan dipilih mengikuti program penempatan berkelompok di Kampung Gading Galoh, Ketereh dekat sini bagi menjalankan penghidupan baru yang lebih baik.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata golongan itu akan disediakan kemudahan tempat tinggal yang lengkap dengan elektrik dan air serta peluang pekerjaan.

"Mereka akan bekerja di tapak semaian Risda atau ladang projek telur mas PPRT atau di pusat perusahaan kaca hiasan di kawasan itu," katanya kepada Bernama selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Kok Lanas, 28 km dari sini.

Annuar berkata sebelum ini golongan itu dianggap terlalu daif dan tinggal di rumah buruk dengan menumpang di tanah orang.

"Ketika menetap di perkampungan berkelompok itu mereka disediakan dengan rumah yang lengkap dengan bekalan elektrik dan air serta jalan yang baik," katanya.

Mengenai saranan Sultan Kelantan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya membantu golongan termiskin di negeri ini, beliau berkata usaha itu akan dilaksanakan dengan segera.

"Selain menyediakan projek pembangunan lain seperti lebuhraya, soal yang berkaitan dengan rakyat yang ditimbulkan mendorong kerajaan pusat untuk meningkatkan lagi komitmen membantu rakyat Kelantan," katanya.

Beliau juga berkata, Dr Mahathir ketika mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian Umno hari ini telah memberi komitmen untuk membantu rakyat Kelantan yang terlalu miskin untuk meningkatkan pendapatan mereka.

-- BERNAMA

MNR AKD